

Kerajaan berjanji kembalikan semua elaun dinikmati PTD

6 NOV 1999

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Kerajaan berjanji akan mengembalikan segala elaun dan kemudahan yang dinikmati oleh Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) yang terjejas akibat kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, selain itu kerajaan juga berjanji akan beransur-ansur memulihkan daya beli, gaji dan elaun semua pihak sekiranya ekonomi negara benar-benar pulih.

"Kita bernasib baik kerana walaupun ekonomi gawat, kadar inflasi tidak tinggi dan harga barang tidak naik mendadak tetapi insya-Allah dengan pemulihan ini kita akan kembalikan elaun dan kemudahan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis makan malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan, di sini, malam ini.

Kata Dr. Mahathir, para pentadbir patut bersyukur kerana tidak seorang pun daripada pegawai atau ka-

kitangan kerajaan yang terpaksa diberhentikan seperti di negara lain yang diserang oleh pedagang mata wang dan spekulator saham.

"Hasil daripada sikap bertanggungjawab semua pihak terutama pegawai dan kakitangan kerajaan, ekonomi kita sudah pulih," katanya.

Beliau juga bersyukur kerana jentera kerajaan tidak menimbulkan apa-apa masalah semasa kegawatan ekonomi berlaku.

Dihentikan

Katanya, walaupun jelas gaji yang didapati tidak lagi boleh membeli sebanyak dulu, walaupun elaun tertentu dihentikan, walaupun bonus tidak dibayar, walaupun semakan gaji tidak dibuat, mereka tidak mengambil tindakan perusahaan.

Bahkan, kata Perdana Menteri, mereka tidak menuntut apa-apa pun dan menerima baik tindakan berjimat-cermat yang dibuat oleh kerajaan.

"Pegawai-pegawai PTD telah menjalankan tugas seperti biasa dan memberi kerjasama yang kuat ke-

pada kerajaan. Ramai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan untuk membekalkan maklumat kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara," katanya.

Hasilnya kata Dr. Mahathir kerajaan telah dapat meneliti perkembangan ekonomi dan kewangan untuk mencari jalan yang baik bagi mengatasi masalah kegawatan.

"Dengan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kerajaan kerana PTD tidak sedikitpun mengganggu kerajaan semasa merancang dan melaksanakan tindakan pemulihan ekonomi negara," katanya.

Dalam hubungan ini kata Perdana Menteri, para PTD akan terus memainkan peranan besar untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

"Saya penuh yakin akan kebolehan PTD terutama dalam menguasai sistem kerajaan elektronik supaya proses pencapaian kemajuan negara akan berjalan lancar dan cepat," katanya.